

0914

U B364 DEB  
MAHATHIR - BAHASA R R R

KUALA LUMPUR, 24 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA AHLI-AHLI POLITIK BUKAN MELAYU TERMASUK ANGGOTA PARLIMEN KINI LEBIH FASIH BERBAHASA MALAYSIA BERBANDING DENGAN SEMASA NEGARA MULA-MULA MENCAPAI KEMERDEKAAN DAHULU.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN ADA SEBILANGANNYA YANG TIDAK FASIH, TETAPI PADA KESELURUHANNYA TAHAP PENGUASAAN MEREKA KINI ADALAH LEBIH BAIK TERMASUKLAH DI KALANGAN BANGSA CINA DAN INDIA.

MEREKA PERLU MENGUASAI BAHASA MALAYSIA KERANA JIKA TIDAK, MEREKA TIDAK AKAN MENDAPAT SOKONGAN YANG BAIK DARIPADA RAKYAT, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN BUKU PUISI-PUISI PILIHAN DAN DRAMA-DRAMA PILIHAN KARYA SASTERAWAN NEGARA USMAN AWANG DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI.

BELIAU BERKATA BAHASA MALAYSIA JUGA BERKEMBANG PESAT KERANA JIKA BOLEH DIANDAIKAN PADA EDARAN AKHBAR, AKHBAR BERBAHASA MALAYSIA LEBIH TINGGI BERBANDING DENGAN AKHBAR-AKHBAR LAIN. INI KERANA RAKYAT SEMAKIN BANYAK MEMBACA AKHBAR BERBAHASA MALAYSIA. -- LAGI.

1557MST 24 09 87

0925

U B367 DEB  
MAHATHIR - BAHASA 2 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU BERKATA ANGGOTA MASYARAKAT PERLU MENINGKATKAN PENGUASAANYA KERANA PENGUASA BAHASA MALAYSIA KINI MENJADI SATU KEPERLUAN. CONTOHNYA, ORANG JEPUN KINI MEMPELAJARI BAHASA INGGERIS KERANA IA MENJADI KEPERLUAN BAGI PERNIAGAAN MEREKA.

PADA MASA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR HANYA AHLI POLITIK PEMBANGKANG (YANG MENCARI POPULARITI MURAHAN) MENGGUNA DAN MEMBANGKITKAN ISU BAHASA MALAYSIA BAGI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.

BELIAU BERKATA BAGI KALANGAN MASYARAKAT KESELURUHANNYA PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA TIDAK MENJADI MASALAH LAGI KERANA KERAJAAN TIDAK MELARANG KAUM LAIN MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA MASING-MASING.

BAGAIMANAPUN, BELIAU YAKIN MASYARAKAT AKAN SEMAKIN LAMA SEMAKIN MATANG DALAM MENERIMA HAKIKAT ITU.

MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DALAM KITAB INJIL UNTUK MENGAJAR AGAMA KRISTIAN DI GEREJA SEPERTI YANG BERLAKU DI SABAH, BELIAU BERKATA BAHAWA KERAJAAN PADA HAKIKATNYA TIDAK MEMBANTAHNYA TETAPI KERAJAAN MELARANG PENGGUNAAN BEBERAPA PERKATAAN YANG BOLEH MENGELIRUKAN MASYARAKAT. -- LAGI.

1618MST 24 09 87

D944

U B379 DEB  
ULANGAN DENGAN PEMBETULAN PARA TIGA  
MAHATHIR - BAHASA 3 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKURANG-KURANGNYA TERDAPAT ENAM PERKATAAN YANG DIGUNAKAN YANG BOLEH MENGELIRUKAN MASYARAKAT SEPERTI ALLAH BAGI TUHAN DAN SOLAT (BAGI SEMBAHYANG) YANG PADA ASASNYA HANYA DIGUNAKAN DALAM AJARAN AGAMA ISLAM.

INI MENYEBABKAN MASYARAKAT MEMINTA KERAJAAN MENGHALANGI KEGIATAN ITU, KATANYA.

MENGENAI TINDAK BALAS EKORAN KENYATAANNYA DI LABUAN BAHAWA PADA MASA INI TIDAK ADA LAGI TEAM A DAN TEAM B DALAM UMNO, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENEMUI BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM.

BELIAU JUGA ADA BERJUMPA DENGAN BEKAS MENTERI PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, TENGGU RAZALEIGH TIDAK MEMBERI TINDAK BALAS TERHADAP KENYATAANNYA DI SABAH ITU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PERKARA ITU AKAN DIBINCANGKAN DENGAN KALANGAN PEMIMPIN UMNO NEGERI KELANTAN DALAM RANGKA LAWATANNYA KE NEGERI ITU SELAMA DUA HARI MULAI 2 OKT INI, BELIAU HANYA BERKATA IA MUNGKIN DIBINCANGKAN. -- LAGI

1650MST 24 09 87

D945

U B380 DEB  
MAHATHIR - BAHASA 4 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO SABTU INI AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA ITU, BELIAU BERKATA IA TIDAK PERLU DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT ITU KERANA PERKARA ITU MEMANG MENJADI HARAPAN DAN KEHENDAK KESEMUA PIHAK.

BELIAU BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS LEBIH LANJUT DENGAN MENEGASKAN BAHAWA PERKARA SEUMPAMA ITU TIDAK HARUS DIBINCANGKAN SECARA TERBUKA. -- BERNAMA

1651MST 24 09 87